

MAHATHIR

(1)

1980

SHAH ALAM, 9 MEI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN BERSEDIA MENIMBANGKAN PEMBERIAN GALAKAN KEPADA SEKTOR SWASTA UNTUK MEMAJUKAN PERUSAHAAN BERAT DI NEGARA INI GALAKAN YANG BERDASARKAN MERIT INDIVIDU AKAN DIBERI PER-TIMBANGAN.

KERAJAAN JUGA BERSEDIA MEMBANTU SEKTOR SWASTA MEMULAKAN PERUSAHAAN SEUMPAMA ITU, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SEMASA MELAWAT KILANG UNITED MOTOR WORKS DI SINI HARI INI.

SAMBIL MENGGESA SEKTOR SWASTA MEMPERHEBATKAN USAHA MEMAJUKAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN BERAT, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BIDANG TERSEBUT ADALAH SANGAT BERKURANGAN DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENYATAKAN BAHWA BELIAU TIDAK PUASHATI DENGAN RANCANGAN PAGI PERUSAHAAN BERAT YANG ADA SEKARANG DAN MAHUKAN SUPAYA PELAKSANAANNYA DIPERCEPATKAN. — BERSAMBUNG 1606/SZ

B546

MAHATHIR 2 SHAH ALAM

BELIAU BERKATA UNITED MOTOR WORKS MESTILAH MEMPUNYAI INISIATIF DAN KESANGGUPAN UNTUK MENGHADAPI MASALAH-MASALAH REMEH-TEMEH.

SYARIKAT ITU, KATANYA, TELAH MENCERURKAN DIRI DALAM PERUSAHAAN ITU DAN TELAH PERJAYA MENCAPAI PERTUMBUHAN YANG MENGGALAKKAN SEKALIPUN TERDAPAT PERBAGAI KESULITAN DI PERINGKAT AWAL PELAKSANAANNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA BERKATA WALAUPUN TERDAPAT BANYAK KILANG-KILANG KECILAN DI NEGARA INI, ADALAH PERLU DITUBUHKAN KILANG-KILANG YANG MENGELUARKAN LOGAM DAN JENTERA.

KATANYA, SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN HENDAKLAH TAMPIK KE HADAPAN UNTUK MENDIRIKAN PERUSAHAAN BERAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN PIHAK SYARIKAT TIDAK HARUS BERPuas HATI SETAKAT MENGIMPORT DAN MENGEDAR BARANG-BARANG KELUARAN PERUSAHAAN BERAT SAHAJA TETAPI HENDAKLAH JUGA MENGELUAR DAN MEMASANGNYA DI NEGARA INI SENDIRI. — BERSAMBUNG 1615/SZ

MAHATHIR 3 SHAH ALAM

MENURUTNYA, KERAJAAN JUGA SEDANG PERUSAHA PERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MEMAJUKAN PERUSAHAAN SEUMPAMA ITU DENGAN MENUBUHKAN SEPUAH-PERBADANAN PERUSAHAAN BERAT YANG DICADANGKAN.

PARA PELABUR YANG SEKARANG TIDAK TERUPAYA MENANAM MODAL DALAM PERUSAHAAN ITU DISEBABKAN MODAL YANG BESAR SERTA TEMPOH YANG PANJANG BAGI MENDAPATKAN SEMULA PELABURAN AKAN DIANTU OLEH PIHAK PERBADANAN UNTUK MENUBUHKAN USAHASAMA.

PERBADANAN TERSEBUT AKAN JUGA TERSEDIA MENGADAKAN PROJEK USAHASAMA DENGAN FIRMA-FIRMA LUAR NEGERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN SATU KERTAS KERJA MENGENAI PENUBUHAN PERBADANAN ITU SEDANG DISIAPKAN DAN AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA KABINET TIDAK LAMA LAGI.

BELIAU JUGA MEMUJI JENTERA-JENTERA PERAT YANG DIPERPAIKI SEMULA YANG DINIAGAKAN OLEH SYARIKAT PERKENAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR PERKATA DENGAN MENJUAL SEMULA JENTERA-JENTERA TERSEBUT, TUKARAN WANG ASING DAPAT DIJIMATKAN KERANA JIKA TIDAK WANG TERSEBUT TERPAKSA DIPELANJAKAN UNTUK MEMBELI JENTERA-JENTERA BARU. —BERSAMBUNG 1655/AH

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERHARAP LAIN-LAIN SYARIKAT AKAN MENGAMBIL USAHA YANG LEBIH UNTUK MEMPAIK-PULIH JENTERA-JENTERA BERAT.

KATANYA, SEKTOR PERUSAHAAN BERAT HENDAKLAH MEMPELBAGAIKAN KEGIATAN MEREKA BAGI MENGELUARKAN ALAT-ALAT KOMPONEN DI NEGARA INI.

SEBELUM ITU, PENGARAH URUSAN UMW, DATUK ERIC CHIA, DALAM TAKLIMATNYA BERKATA SYARIKAT ITU SEDANG MEMBUAT PERSIAPAN DENGAN PIHAK PENGELUAR ASING UNTUK MENGELUAR DAN MEMASANG ALAT-ALAT BINAAN DI NEGARA INI.

BELIAU MENYATAKAN PIHAK PENGELUAR ITU AKAN MEMBELI ALAT-ALAT KELENGKAPAN YANG DIPERLUKAN BAGI PIHAK MALAYSIA DAN KEMUDIAN MEMASANGNYA DI SINI UNTUK DIJUAL KE NEGARA-NEGARA ASEAN YANG LAIN.

DATUK CHIA BERHARAP KERAJAAN AKAN MEMBANTU SYARIKAT ITU DENGAN MEMPERJENISKAN ALAT-ALAT KELENGKAPAN YANG DIBELI KELAK SEBAGAI BARANGAN ASEAN.

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UMW, ENCIK C. SELVARAJAH, KEMUDIAN MENYAMPAIKAN SEKEPING CEK BERNILAI \$5,000 KEPADA DATIN SERI DR. SITI HASMAH UNTUK PERSATUAN ORANG-ORANG BUTA MALAYSIA.

—BERNAMA 1701/AH